

03 SEP 1998

Anwar-Reaksi (Zahid)

PEMUDA BN SOKONG PM PASTIKAN KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Pemuda Barisan Nasional (BN) hari ini mengulangi pendiriannya untuk tetap taat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN untuk memastikan kestabilan politik dan kemantapan ekonomi negara tetap terpelihara.

Pengerusinya Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata Pemuda BN memandang berat perkembangan terkini yang berlaku dalam pucuk pimpinan negara khususnya yang membabitkan kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semalam.

Pemuda BN meminta semua pihak agar terus bertenang dan bersatu dalam menghadapi situasi yang berlaku sekarang, kata Zahid yang juga Ketua Pemuda Umno kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ketika ditanya apakah yang dimaksudkan dengan memandang berat, Zahid berkata situasi politik sebelum ini cukup tenang tetapi Pemuda BN menganggap perkembangan yang terbaru ini satu "perkembangan yang berat".

"Kami rasa situasi ini berat kerana tak terpikullah bahu kami untuk menganalisis dan memberikan interpretasi kepada situasi yang berlaku sekarang," katanya.

Mengenai Anwar, Zahid berkata Pemuda BN yakin bahawa keadilan dan kebenaran akan ditegakkan dan jika ada sesuatu kes yang mahu dibawa terhadapnya maka Pemuda BN yakin dengan proses perundangan yang akan menentukan keadilan dan kebenaran itu terus ditegakkan melalui sistem perundangan yang ada.

"Dan kita yakin dengan sistem perundangan ini, sesuatu perkara itu dapat diadili seadil-adilnya," katanya.

Seorang wartawan asing bertanya Zahid sama ada beliau fikir Anwar bersalah terhadap apa-apa perbuatan, dan Zahid menjawab: "Kita serahkan kepada mahkamah."

Zahid juga meminta anggota Pergerakan Pemuda Umno supaya bertenang dan bertindak secara rasional.

"Kita yakin Pemuda di semua peringkat tidak bertindak di luar batasan undang-undang dan kita yakin pendirian ini ialah pendirian yang selama ini kita pegang sebagai prinsip utama perjuangan kita dalam parti politik," katanya.

-- BERNAMA

MAM NMO